

# Makalah

WADAH SIARAN PUSAT ISLAM UMK

Edisi 8



## SOLIDARITI UMK BERSAMA PALESTIN

Kuca Suro Patriotik  
Keluarga UMK Madani

Seminar Bulan Wakaf  
Kebangsaan Peringkat  
Negeri Kelantan

Seminar Fiqh &  
Pembangunan Wanita

Seminar Pemantapan  
Akidah Peringkat  
Jajahan Bachok

Forum Keluarga  
Bahagia: Selfie vs  
Selfish

Kem Smart Aulad 2.0

ISSN 2682-7603



# Sidang Editorial

## Penasihat 1

Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak

## Penasihat 2

Dr. Nur Farahiah binti Azmi

## Ketua Editor

Ainul Kauthar binti Karim

## Sidang Editor

Dr. Hazriah Hasan

Wan Mohd Amir bin Yusoff

Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

## Sidang Editor Bersekutu

Muhd Khalid El-Muhammady

bin Muhd Uthman El-Muhammady

Mohd Binyamin bin Che Yaacob

Khairudin bin Mat Lazim

Muhammad Husni bin Kamaruddin

Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed

Norma binti Abdullah

Intan Naquiah binti Abdul Rahim

## Rekaan

Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

## Fotografi

Nor Zakwan bin Che Musa

## Percetakan dan Edaran

Wan Mohd Amir bin Yusoff

Sebarang cadangan atau pandangan berkenaan Makalah ini, boleh berhubung :

## EDITOR MAKALAH

Pusat Islam UMK

Tel : 09-7797474

Emel : [pusatislam@umk.edu.my](mailto:pusatislam@umk.edu.my)

Facebook : PUSAT ISLAM UMK



# Kalam Pengaruh Pusat Islam

## Prof. Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat, taufik dan hidayahNya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat ke seluruh alam, seterusnya kepada kaum keluarga serta para sahabat Baginda.

Pertamanya saya bersyukur kerana penerbitan Makalah Edisi Ke-8 bagi tahun 2023 ini dapat disempurnakan bagi meneruskan legasi informasi dan perkongsian ilmu melalui tinta warga Pusat Islam.

Makalah Edisi Ke-8 ini memaparkan beberapa ruangan merangkumi aktiviti-aktiviti, berita, artikel memperlihatkan peranan dan fungsi Pusat Islam khususnya dalam konteks pembangunan kerohanian, keilmuan dan kebajikan bagi bersama-sama memacu kecemerlangan Universiti melibatkan pelajar, staf dan juga komuniti.

Pusat Islam tidak terkecuali dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti agar terus relevan dengan keperluan serta keadaan semasa yang berlaku walaupun dalam keterbatasan dan kekangan yang dihadapi. Kreativiti dan inovasi menjadi elemen penting dalam melaksanakan apa jua tanggungjawab. Apa yang pasti norma baharu semakin serasi dan tidak menghalang segala usaha yang dirancang. Meskipun wujud hambatan dan kekurangan tertentu namun telah memberi pengajaran untuk terus membuat penambahbaikan agar terus relevan dalam arus perdana yang berkembang.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sidang editorial yang bertungkus lumus menyiapkan Makalah Edisi Ke-8 ini, mudah-mudahan segala usaha yang dicurahkan dapat dimanfaatkan oleh pembaca dan mendapat keberkatan dari Allah SWT.

Sekian, wasalam.

Prof. Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak

# Tinta Ketua Editor



**Ustazah Ainul Kauthar binti Karim**

Alhamdulillah dengan rahmat dan izin Allah S.W.T, Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi dapat menerbitkan Makalah bagi Edisi ke-8 (Januari-Disember 2023).

Makalah keluaran kali ini menyajikan pelbagai maklumat berkaitan info dan program-program yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam UMK bagi bulan Januari hingga Disember 2023.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada sidang editorial Pusat Islam khususnya dan semua staf Pusat Islam UMK amnya yang telah banyak membantu dalam proses menerbitkan makalah kali ini.

Akhir kalam, semoga makalah ini dapat dijadikan salah satu bukti usaha dan kejayaan Pusat Islam UMK dalam melaksanakan program-program pembangunan insan dan kerohanian, kebajikan serta kemasyarakatan kepada staf, pelajar dan komuniti setempat sepanjang tahun 2023. Saya mewakili Pusat Islam UMK mengalu-alukan sebarang cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami. Semoga segala sumbangan yang diberikan samada secara langsung atau tidak langsung akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Sekian, wasalam.

Ainul Kauthar Karim

## Isi Kandungan

KALAM PENGARAH	2
TINTA KETUA EDITOR	3
PROGRAM SOLIDARITI UMK BERSAMA PALESTIN	4-5
TERAPI JIWA	6
LAPORAN ZAKAT & INFAQ	7-15
SEMINAR BULAN WAKAF KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN	16
FORUM KELUARGA BAHAGIA "SELIFIE VS SELFISH"	17
PROGRAM IHYA' RAMADAN	18-19
SEMINAR PEMANTAPAN AKIDAH PERINGKAT JAJAHAN BACHOK	20
PROGRAM IBADAH KORBAN	21
PROGRAM BUAL BICARA "RASULULLAH: IKON SEPANJANG ZAMAN"	22
PROGRAM KULIAH FIQH WANITA	23
PROGRAM SISTERS CIRCLE	23
PROGRAM BICARA SANTAI BERSAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YADIM	24
KURSUS PENGURUSAN JENAZAH	25
PROGRAM SEJAM BERSAMA AL-QURAN	26
PROGRAM KERJA TILL JANNAH	27
SEMINAR FIQH DAN PEMBANGUNAN WANITA	28
PROGRAM KUCA SURO PATRIOTIK KELUARGA UMK MADANI	29
MAJLIS PELANCARAN TABUNG IHYA' RAMADAN 1444H	30
PROGRAM ISRAK MIKRAJ	31
LAWATAN PENANDA ARAS DARI PUSAT ISLAM UTM	32
PROGRAM SEJAM BERSAMA AL-QURAN PERDANA	33
PROGRAM KERJA TILL JANNAH PERDANA	34
PROGRAM BACK TO BASIC : PEMANTAPAN AKIDAH & SOLAT	35
PROGRAM KEM SMART AULAD 2.0	36
SUDUT KENALI STAF	37
PIUMK @MEDIA	37
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG	38
BERITA STAF	38
PELAJAR PRAKTIKUM PUSAT ISLAM	39

# PROGRAM SOLIDARITI UMK BERSAMA PALESTIN

UMK MELALUI PUSAT ISLAM UNIVERSITI LANCAR TABUNG KECEMASAN  
MISI BANTUAN KEMANUSIAAN KEPADA RAKYAT PALESTIN



BACHOK 29 Oktober 2023 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) hari ini melancarkan Tabung Palestin dengan menyasarkan kutipan sumbangan berjumlah RM20,000.00 sebagai tanda solidariti kemanusiaan dalam kalangan staf dan pelajarnya terhadap perjuangan rakyat Palestin membebaskan Semenanjung Gaza.

Naib Canselor UMK, Dato' Prof. Dr. Razli Che Razak berkata, buat permulaan UMK telah berjaya mengumpulkan derma sebanyak RM10,000.00 hanya dalam tempoh seminggu di mana sebahagian besar sumbangan ini disalurkan secara pantas melalui platform e-Sedekah@UMK dan Bank Muamalat Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkata, sumbangan Tabung Palestin ini dilanjutkan pada Istiadat Konvokesyen UMK Ke-13 iaitu daripada 4 hingga 7 November ini.





“Kita jangkakan kehadiran seramai 10,000 ibu bapa dan graduan yang hadir dapat menyumbang kepada tabung untuk menambah jumlah derma sedia ada sebelum kita serahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk disalurkan kepada badan bukan kerajaan (NGO).

“Secara tidak langsung, program ini dapat mendidik warga dan pelajar UMK dengan nilai-nilai manusiawi yang turut merangkumi hak asasi manusia dan sifat ihsan,” katanya pada Program Solidariti UMK Untuk Palestin anjuran Pusat Islam UMK di Teniat UMK Bachok, dengan kehadiran lebih 500 peserta termasuk pelajar dan staf UMK Bachok.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato’ Dr. Nik Maheran Nik Muhammad dan Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Zain Mubarak.

Program dimulakan dengan solat Asar secara berjemaah dan perarakan dari masjid UMK Bachok ke Teniat. Turut diadakan Pidato Solidariti oleh wakil mahasiswa, wakil staf, wakil NGO (Cakna Palestin Malaysia), persembahan bacaan puisi oleh wakil Persatuan Penulis Kelantan, En. Abdul Hadi Yusoff dan gimik pelancaran Tabung Palestin oleh Prof. Dato’ Dr. Razli serta diakhiri dengan bacaan doa Qunut Nazilah.



“Untuk mendapatkan apa yang kamu suka, pertama kamu mesti sabar dengan apa yang kamu benci”

“Jadilah seperti pokok, at orang memaling batu kepadamu,

# Penerbitan

## E-POSTER TERAPI JIWA

Penerbitan e-poster Terapi Jiwa yang dianjurkan oleh Pusat Islam secara berkala setiap ahad tahun 2023 merupakan Himpunan Kalam Ulama' terpilih sebagai sesi muhasabah staf dalam kehidupan. Hebahan e-poster tersebut bertujuan membudayakan ilmu dalam kalangan staf Universiti Malaysia Kelantan dan dihebahkan melalui platform email rasmi staf Universiti Malaysia Kelantan dan media sosial Pusat Islam UMK

lebih baik berdiam diri daripada bercakap menyakiti orang lain”

(Habib Ali Zainal Abidin al-Hamid)

Ujian buat dia kuat.  
Kesedihan buat dia hebat.  
gagah.

Sesungguhnya setiap dari ujian itu ada hikmahnya”

# Terimaan ZAKAT Tahun 2023

## RM 1,266,007.34

Terimaan Zakat Januari - Disember 2023



AMANAHRAYA



BIL.	TERIMAAN	JUMLAH (RM)		
		AKAUN ZAKAT KORPORAT	AKAUN WAAD ZAKAT	
			MAIK	INDIVIDU
1	Bank Muamalat	65,569.00		
2	HEPA - Pindahan Dana	100,000.00		
3	Maybank	20,000.00		
4	Takaful Malaysia	5,074.74		
5	Bank Islam Malaysia Berhad	50,000.00		
6	Yayasan Amanah Raya	64,000.00		
7	Bank Simpanan Nasional	22,500.00		
8	UMKBV	25,000.00		
9	Individu			5,250.00
10	Individu CEO BIMB			30,000.00
11	Waad Zakat - Tahun 2022		138,613.60	
13	Tabung Haji	350,000.00		
14	Etiqa Family Takaful	200,000.00		
15	Agro Bank	30,000.00		
16	Pharmaniaga SDN BHD	60,000.00		
17	Kinrara	70,000.00		
18	Payments Network Malaysia Sdn Bhd	30,000.00		
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		1,092,143.74	138,613.60	35,250.00
			173,863.60	




## PENERIMA BANTUAN



## JUMLAH BANTUAN

RM **984,945.30**




### PETUNJUK

Jumlah Penerima Manfaat

# Terimaan **INFAQ** Tahun 2023

## RM 34,710.00

175 STAF | Potongan Gaji Bulanan



# Agihan **INFAQ** Tahun 2023

## RM13,500.00



UMK Bachok

UMK Kampus Kota

UMK Kampus Jeli

JUMLAH  
KESELURUHAN

### RM13,500.00

PENYEDIAAN JUADAH BERBUKA PUASA  
- PROGRAM IHYA' RAMADAN 1444H -

# Lensa

## ZAKAT & INFAQ

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2023

### ZIARAH ASNAF MASYARAKAT SEKITAR KAMPUS



### BANTUAN KHAS KECEMASAN PELAJAR & STAF



# Lensa ZAKAT & INFAQ

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2023

## BANTUAN BARANG DAPUR PELAJAR ASNAF



## ZIARAH CALON BANTUAN SARAAAN PENGAJIAN (BULANAN)



# Lensa

## ZAKAT & INFAQ

### UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 2023

#### BANTUAN RUMAH SEWA (TERATAKCAKNA) : 2 LOT RUMAH DI KAMPUS KOTA 3 LOT RUMAH DI UMK BACHOK 2 LOT DI KAMPUS JELI



#### BANTUAN KOMPUTER RIBA



# Lensa

## ZAKAT & INFAQ

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2023

### BERBUKA PUASA



### KUNJUNGAN HORMAT



# Lensa

## ZAKAT & INFAQ

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2023

### ZAKAT KORPORAT



### ZAKAT FITRAH



# Lensa

## ZAKAT & INFAQ

### UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

#### 2023

### PROGRAM GEROBOK MAKANAN



### IKLAN PERMOHONAN ZAKAT 2023

#### BANTUAN ZAKAT PELAJAR UMK SEMESTER FEBRUARI 2023

**Pelajar Yang Layak Memohon**

- Pelajar Sesi Semesta Baru
- Pendapatan bulanan RM1,000
- 5.00 bimbingan dan sokongan akademik
- Terdapat keperluan perubatan

**Kaedah Permohonan**

1. Mengisi borang permohonan  
2. Memasukkan maklumat peribadi  
3. Mengemukakan dokumen sokongan  
4. Mengemukakan maklumat kewangan

#### BANTUAN INFAQ SUMBANGAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2023

**Bantuan Berang Dagap**

**Pelajar yang layak memohon**

1. Mengisi borang permohonan
2. Memasukkan maklumat peribadi
3. Mengemukakan dokumen sokongan
4. Mengemukakan maklumat kewangan

**Tarikh mula permohonan**  
10 Oktober 2023

**Tarikh tutup permohonan**  
23 Oktober 2023

#### BANTUAN AWAL PELAJAR BAHARU (ZAKAT) SESI SEPTEMBER 2023/2024

**Pelajar yang layak memohon**

- Pelajar baru sesi September 2023/2024
- Pendapatan bulanan RM1,000
- 5.00 bimbingan dan sokongan akademik
- Terdapat keperluan perubatan

**Kaedah Permohonan**

1. Mengisi borang permohonan  
2. Memasukkan maklumat peribadi  
3. Mengemukakan dokumen sokongan  
4. Mengemukakan maklumat kewangan

#### BANTUAN ZAKAT PELAJAR UMK SEMESTER SEPTEMBER 2023

**Pelajar yang layak memohon**

- Pelajar Sesi Semesta Baru
- Pendapatan bulanan RM1,000
- 5.00 bimbingan dan sokongan akademik
- Terdapat keperluan perubatan

**Kaedah Permohonan**

1. Mengisi borang permohonan  
2. Memasukkan maklumat peribadi  
3. Mengemukakan dokumen sokongan  
4. Mengemukakan maklumat kewangan

#### PROGRAM KUPON MAKAN PUSAT ISLAM 2023

**Kaedah Pelaksanaan**

1. Pelajar mengemudikan kupon makan ke gerai makanan
2. Pelajar membayar harga makanan
3. Pelajar menerima makanan
4. Pelajar menyerahkan kupon makan ke gerai makanan

**Pelajar yang layak memohon**

1. Mengisi borang permohonan
2. Memasukkan maklumat peribadi
3. Mengemukakan dokumen sokongan
4. Mengemukakan maklumat kewangan

**SEMILAN BULAN WAKAF KEBANGSAAN (BWK 2023) PERINGKAT NEGERI KELANTAN DI UMK**

16 NOVEMBER 2023 | KHAMIS | 9 PAGI  
 BILIK MESYUARAT SENAT, TINGKAT 1 BANGUNAN BLOK C, UMK KAMPUS KOTA

Tajuk | Wakaf - Amalan Sedekah Kelas Pertama dan Kelestarian Ekonomi Islam  
 Penceramah | **Prof. Dr. Baharom Abdul Hamid**, INCEIF University  
 Moderator | Prof. Madya Dr. Hazriah Hasan, Ketua Unit Wakaf, Pusat Islam UMK

## PROGRAM SEMILAN BULAN WAKAF KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN

Kota Bharu, 16 November 2023 – Pusat Islam Universiti telah menganjurkan Semilain Bulan Wakaf Kebangsaan Peringkat Negeri Kelantan bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga Senat, UMK Kampus Kota.

Program telah disampaikan oleh Prof. Dr. Baharom Abdul Hamid dari INCEIF University yang mengupas tajuk wakaf merupakan amalan sedekah kelas pertama dan kelestarian ekonomi Islam pada masa kini.

Program yang berlangsung selama 3 jam tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan staf dan pelajar UMK dan mendapat respon yang amat positif daripada peserta yang terdiri daripada warga UMK dan rakan industri wakaf seluruh negeri Kelantan..

Turut hadir pada program ini adalah Penolong Pengarah Bahagian Wakaf di Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Malaysia (JAWHAR), Puan Asmahan Abdul Kadir.



RINGKAT NEGERI KELANTAN DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



## PROGRAM FORUM KELUARGA BAHAGIA “SELFIE VS SELFISH”

Oleh: Khairudin Mat Lazim

Bachok, 24 Ogos 2023 - Program Forum Keluarga Bahagia tahun 2023 bertemakan “Selfie vs Selfish” anjuran Pusat Islam Universiti dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan dan Pejabat Agama Jajahan Bachok dan Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat Pejabat Pendaftar UMK telah diadakan dengan jayanya melibatkan 80 orang staf UMK dan wakil agensi sekitar UMK Bachok. Forum telah dikendalikan oleh Encik Mohd Saffiri Ibrahim, selaku Penolong Pendaftar Kanan di Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat Pejabat Pendaftar UMK dan panelis dibarisi Ustaz Suratemi Mat Yusof selaku Pegawai Agama Jajahan Bachok serta Puan Faraziela binti Mat Soud selaku Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan



# Program Ihya' Ramadan 1444H/2023M

Dalam menyambut dan meraikan kehadiran bulan yang mulia ini, UMK tidak ketinggalan dalam menjayakan pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan Al-Mubarak. Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan telah menganjurkan satu program iaitu program Ihya' Ramadan 2023. Antara program yang dilaksanakan adalah Majlis Berbuka Puasa, Solat Terawih, Tadarus Al-Quran, Kuliah Zohor Ramadan, Edaran Bubur Lambuk, Ceramah Nuzul Al-Quran, Qiamullail dan Kutipan Zakat Fitrah. Program yang berlangsung serentak di ketiga-tiga kampus tersebut telah dilaksanakan bermula 1 Ramadan dengan ibadah solat sunat tarawih yang telah diimamkan oleh imam jemputan tahfiz. Kehadiran begitu ramai jemaah yang terdiri daripada warga universiti dan komuniti menambahkan lagi kemeriahan bulan yang mulia ini. Tidak ketinggalan majlis berbuka puasa di Masjid, yang mana pada sebelah petangnya para jemaah mengambil kesempatan masa untuk bertadarus Al-Quran. Suasana membaca Al-Quran kelihatan berlaku sepanjang masa di masjid tidak kira peringkat usia. Manakala pada waktu zuhur, telah diadakan kuliah zuhur Ramadan yang mana pengkuliah tersebut dijemput dalam kalangan kakitangan UMK sendiri, terdiri daripada pensyarah dan staf Pusat Islam.





Ramadan dihidupkan lagi dengan ceramah Nuzul Al-Quran yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan. Bermula Ramadan juga, kaunter zakat fitrah telah dibuka untuk memberi kemudahan warga UMK membayar zakat. Di penghujung 10 akhir Ramadan, program Ihya' Ramadan diteruskan pula dengan program Qiamullail yang telah menerima kehadiran jemaah yang agak memberangsangkan. Semoga dengan aktiviti yang dilaksanakan, dapat menguatkan lagi keimanan kita kepada Allah Taala, menambahkan pahala amalan dan menghapus segala dosa-dosa kita semua.



## SEMINAR PEMANTAPAN AKIDAH PERINGKAT JAJAHAN BACHOK “Pemeliharaan Akidah dan Ancaman Era Globalisasi”

Oleh: Ainul Kauthar Karim



Bachok, 14 September 2023 – Pejabat Agama Jajahan Bachok dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dan Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan telah mengadakan satu program berbentuk ilmiah iaitu Seminar Pemantapan Akidah peringkat jajahan Bachok kepada 128 orang penjawat awam seluruh jajahan Bachok termasuk staf Universiti Malaysia Kelantan. Program yang julung kali diadakan itu bertujuan memberikan pendedahan dan maklumat kepada peserta berkaitan ilmu usuluddin dan konsep akidah bersumberkan rujukan yang muktabar. Selain itu, program ini memberikan peluang kepada para peserta memahami konsep akidah yang benar, seterusnya mengaplikasikannya dalam menangkis dakyah dan pengaruh pemikiran yang negatif dalam kehidupan era moden.

Program yang berlangsung selama 4 jam tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan mendapat respon yang amat positif daripada peserta. Menurut Pengarah Pusat Islam Universiti, Prof Madya Dr. Mohd Zain Mubarak, seminar ini memberikan impak positif dalam memberikan kesedaran kepada penjawat awam tentang akidah Islam yang sebenar dalam menghadapi era globalisasi yang semakin mencabar kini. Katanya, Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan sangat bertuah apabila dipelawa bersama Pejabat Agama Jajahan Bachok dan Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dalam penganjuran program yang bermanfaat ini dan program ini dilihat sebagai jaringan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan dengan agensi kerajaan yang lain dan komuniti.

# Program Ibadah Korban

BACHOK, 2 Julai 2023 – Warga Universiti Malaysia Kelantan dan komuniti setempat meraikan sambutan Aidiladha dengan menyertai aktiviti bergotong-royong menyembelih lembu yang telah diadakan di perkarangan Masjid UMK Bachok hari ini. Program Ibadah Korban yang merupakan program tahunan Pusat Islam UMK telah diadakan pada 2 Julai 2023. Program kali ini lebih istimewa kerana sambutan yang begitu menggalakkan daripada warga UMK yang telah bersetuju menyertai program ini dengan kaedah potongan gaji bulanan. Sebanyak 9 ekor lembu dan satu ekor kambing telah disembelih oleh para petugas yang terdiri daripada staf Pusat Islam sendiri. Aktiviti tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran komuniti yang turut sama melapah daging dan bergotong-gotong memasak untuk jamuan makan tengahari. Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak bersama pengurusan tertinggi UMK turut sama turun padang dalam pelaksanaan ibadah korban tersebut. Program tersebut diteruskan dengan sesi pembahagian daging-daging korban kepada warga UMK dan komuniti setempat oleh Naib Canselor UMK. Program Ibadah Korban berakhir pada 4.00 petang dan para hadirin menikmati jamuan makan.



# PROGRAM BUAL BICARA “RASULULLAH SAW IKON SEPANJANG ZAMAN”



**Jeli, 26 September 2023 (Selasa)** – Pusat Islam UMK telah menganjurkan satu **Program Bual Bicara** yang bertujuan menyemai dan memperkukuhkan rasa cinta serta kasih umat Islam terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Program tersebut telah disampaikan oleh Ustaz Abdul Muhaimin bin Yahya, Imam Tua Masjid Bandar Jeli yang berlangsung di Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli.

Program ini diadakan bersempena memperingati kelahiran Rasulullah SAW, Nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT sebagai rahmat bagi seluruh alam. Melalui penganjuran ini, warga universiti diberi kesempatan untuk mendalami kisah kehidupan Baginda SAW yang menjadi contoh teladan dalam semua aspek kehidupan – sama ada dalam hal pentadbiran, kekeluargaan, peperangan mahupun muamalah sesama insan.

Menurut pihak penganjur, program bual bicara ini juga bertujuan untuk membangkitkan semula semangat kecintaan kepada Rasulullah SAW melalui amalan selawat, zikir serta aktiviti yang menekankan nilai-nilai akhlak mulia yang ditunjukkan oleh Baginda.

Penganjuran program seperti ini secara tidak langsung menjadi platform pengukuhan nilai spiritual dan moral dalam kalangan staf serta pelajar, sekali gus memupuk budaya cinta Rasul yang menjadi tunjang kepada pembentukan masyarakat Islam yang harmoni dan berakhlak tinggi.

## PROGRAM KULIAH FIQH WANITA



Pusat Islam UMK meneruskan lagi slot program Kuliah Fiqh Wanita untuk tahun ini secara dalam talian. Pada kali ini, sukatan pengajian berdasarkan pengajian berkaitan Fiqh Taharah telah dibimbing oleh pembimbing jemputan iaitu Dr. Nurul Iman Mohd Zain dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan staf Universiti Malaysia Kelantan dan juga masyarakat luar bagi mengetahui isu-isu berkaitan taharah dan juga kepentingan dalam bermazhab. Program ini disiarkan secara langsung secara maya menerusi platform Zoom dan Facebook LIVE Pusat Islam UMK serta aplikasi Youtube.

## PROGRAM SISTERS CIRCLE



Program Sisters Circle telah diadakan secara bersemuka dan secara dalam talian yang memfokuskan perkongsian berkaitan motivasi, kerohanian, fiqh wanita dan kehidupan seharian sepanjang berada di kampus.

Program yang terbuka pada pelajar siswi ini dijalankan secara mingguan terutamanya pada musim peperiksaan dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar siswi di ketiga-tiga kampus.



# PROGRAM BICARA SANTAI BERSAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YADIM

Oleh: Khairudin Mat Lazim



Bachok, 25 Jun 2023 - Program Bicara Santai bersama Ketua Pegawai Eksekutif YADIM bertajuk “Kepimpinan Anak Muda Masa Kini” anjuran YADIM dengan kerjasama Pusat Islam UMK dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UMK telah diadakan dengan jayanya melibatkan Warga UMK yang terdiri dari kalangan staf dan pelajar serta jemputan kepimpinan pelajar dari SMKA Tok Bachok pada 25 Jun 2023



Penganjuran program memberi pendedahan berkenaan ilmu kepimpinan terutama kepada pemimpin remaja dan IPTA dalam menongkahkan arus perdana dan sekaligus melahirkan kepimpinan yang berketrampilan dan gemilang sesuai dengan peredaran zaman.



## Kursus Pengurusan Jenazah Kukuhkan Kefahaman Fardu Kifayah Warga UMK

Jeli, 28 Oktober 2023 (Sabtu) – Bagi memperkukuh ilmu fardu kifayah dalam kalangan warga kampus, Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli telah menganjurkan **Kursus Pengurusan Jenazah di Masjid Dr. Tengku Muhammad Fa-lz Petra, UMK Kampus Jeli**. Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan menyeluruh kepada peserta mengenai pengurusan jenazah menurut syariat Islam. Ia turut bertujuan melahirkan warga kampus yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga cakna terhadap keperluan serta tanggungjawab masyarakat dalam melaksanakan urusan fardu kifayah ini.

Antara objektif utama kursus ini adalah untuk **memantapkan kefahaman peserta terhadap konsep dan kaedah pengurusan jenazah**, di samping memberikan pendedahan tentang **hukum hakam serta isu-isu semasa** berkaitan pengurusan jenazah, termasuk kaedah menguruskan jenazah yang terbakar, melecir dan reput.

Menurut pihak penganjur, kursus ini merupakan salah satu usaha berterusan UMK dalam membentuk **masyarakat kampus yang berilmu, berakhlak dan seimbang** dari segi spiritual dan kemanusiaan. Melalui program seperti ini, warga UMK bukan sahaja dididik untuk memahami tuntutan agama, tetapi juga dipupuk semangat tanggungjawab sosial dan empati sesama insan.

Penganjuran kursus ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar dan staf universiti, sekaligus membuktikan kesedaran tinggi terhadap kepentingan ilmu fardu kifayah dalam membentuk sahsiah muslim yang sempurna.





## PROGRAM SEJAM BERSAMA AL-QURAN 2023

Pusat Islam UMK meneruskan lagi slot program Sejam Bersama al-Quran untuk tahun ini secara bersemuka di pejabat-pejabat terpilih di ketiga-tiga kampus. Pada kali ini, surah dan terjemahan terpilih adalah Juz Amma yang telah dibimbing oleh staf Pusat Islam sendiri. Objektif penganjuran program SBQ adalah sebagai platform memahami ayat-ayat al-Quran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian berlandaskan syariah dan akidah yang muktabar serta membudayakan cinta ilmu dalam kalangan staf UMK. Program yang terbuka pada staf dan pelajar ini bermula jam 9 pagi ini selama satu jam sahaja pada hari khamis setiap bulan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga UMK dan akan diteruskan lagi secara berkala pada tahun-tahun berikut.



vivo Y36  
Baba Din Limbat 13 Jul 2023, 09:22

# PROGRAM KERJA TILL JANNAH

**KERJA TILL JANNAH**  
**BEKERJA SATU IBADAH**

21 SEPTEMBER 2023 | KHAMIS | 10 PAGI  
 BILIK MESYUARAT SENAT, UMK KAMPUS KOTA

PENCERAMAH  
**PROF. MADYA DR. MOHD ZAIN BIN MUBARAK**  
 PENGARAH, PUSAT ISLAM  
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

🕒 *Jam Latihan Disediakan*

Pusat Islam UMK meneruskan lagi slot program Kerja Till Jannah untuk tahun ini secara bersemuka dan secara dalam talian. Pada kali ini, pelbagai topik berkaitan pekerjaan seperti Adab Ketika Bekerja, Integriti Dalam Pekerjaan, Bekerja Suatu Ibadah, Tukar Lelah Jadi Lillah telah disentuh. pekerja holistic, kerja sebagai ibadah, seronok bekerja di tempat kerja dan keberkatan dalam pekerjaan. Objektif penganjuran program KTJ ini adalah sebagai medan diskusi ilmu yang bermanfaat kepada peserta berkaitan hal-hal dalam pekerjaan. Program yang terbuka pada staf dan pelajar ini bermula jam 9 pagi ini selama satu jam sahaja pada hari khamis secara bulanan di pejabat-pejabat seluruh kampus telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga UMK dan akan diteruskan lagi secara berkala pada tahun-tahun berikut.

**KERJA TILL JANNAH**  
**INTEGRITI DALAM PEKERJAAN**

KHAMIS | 16 MAC 2023 | 9 PAGI  
 BILIK MESYUARAT, FAKULTI PERUBATAN  
 VETERINAR UMK PADANG TENBAK

PENCERAMAH  
**USTAZ WAN MOHD AMIR BIN YUSOF**  
 PUSAT ISLAM UMK

🕒 *Jam Latihan Disediakan*

**KERJA TILL JANNAH**  
**Tukar Lelah Jadi Lillah**

7 September 2023 | 9 pagi  
 Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,  
 UMK Kampus Jeli

Jam Latihan disediakan

**Kerja Till JANNAH**  
**ADAB KETIKA BEKERJA**

16 FEBRUARI 2023 | KHAMIS | 9 PAGI  
 BILIK MESYUARAT EKSEKUTIF,  
 BANGUNAN CANSELORI, UMK BACHOK

*Pembimbing:*  
**USTAZAH AINAL KAUTHAR BINTI KARIM**  
 PUSAT ISLAM UMK

**KERJA TILL JANNAH**  
**Bekerja Satu Ibadah**

27 JULAI 2023 | KHAMIS | 9 PAGI  
 Siaran langsung melalui  
 aplikasi Zoom

🕒 *Jam latihan disediakan*



## SEMINAR FIQH WANITA & PEMBANGUNAN WANITA

Oleh: Ainul Kauthar binti Karim

Bachok, 26 November 2023 – Pusat Islam Universiti melalui HELWA telah mengadakan satu program berbentuk ilmiah iaitu Seminar Fiqh dan Pembangunan Wanita kepada 50 orang staf dan pelajar wanita Universiti Malaysia Kelantan. Program kali ini mengupas isu-isu wanita berkaitan wanita dalam aspek pengurusan kewangan dan juga fiqh ibadah terutamanya bab qadha' puasa.

Program yang berlangsung selama 4 jam tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan mendapat respon yang amat positif daripada peserta. Menurut Timbalan Pengarah Pusat Islam Universiti, Dr. Nur Farahiah Azmi, seminar ini memberikan impak positif dalam memberikan kesedaran kepada staf dan pelajar wanita tentang pengurusan kewangan dalam menghadapi era globalisasi yang semakin mencabar kini serta mengetahui bab-bab qadha' puasa dan menjadi pedoman dalam menghadapi Ramadan 1445H yang akan menjelang tidak lama lagi.





## PROGRAM KUCA SURO PATRIOTIK KELUARGA UMK MADANI

BACHOK, 15 OGOS, 2023 - Program Kuca Suro Patriotik Keluarga UMK Madani bagi tahun 2023 telah berjaya dilaksanakan pada 15 Ogos 2023 (Selasa) bertempat di perkarangan masjid Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Bachok. Program anjuran Pusat Islam dan Pejabat Pendaftar UMK adalah bertujuan untuk memupuk semangat persaudaraan dan mengeratkan silaturrahim dalam kalangan warga universiti. Program kuca suro patriotik pada tahun ini telah melibatkan 11 kawah daripada pelbagai Pusat Tanggungjawab dan mendapat sokongan penuh daripada kesatuan/persatuan staf UMK.





**PROGRAM MARHABAN YA RAMADAN DAN PELANCARAN TABUNG IHYA RAMADAN PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**



Bachok, 12 Mac 2023 - Telah berlangsung program Marhaban Ya Ramadan beserta pelancaran Tabung Ihya ramadan peringkat Universiti Malaysia Kelantan. Program bermula jam 10 pagi dengan ceramah yang disampaikan oleh al-Fadhil Ustaz Hj. zainuddin bin Ismail yang membicarakan tentang kelebihan dan keutamaan Bulan Ramadan al-Mubarak ini. Beliau menceritakan kelebihan bulan-bulan Islam terutamanya bulan Ramadan yang mesti direbut oleh setiap insan yang bergelar Muslim.



Seterusnya, program diteruskan dengan pelancaran tabung Ihya ramadan oleh Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak, dirinigi oleh Prof Arham Abdullah dan pengarah Pusat Islam serta dif-dif kehormat yang lain bagi membuat gimik pelancaran tabung Ihya bagi membiayai Iftar kepada para pelajar.





## PROGRAM ISRAK MIKRAJ

Bachok, 8 Mac 2023 - Telah berlangsung program Israk Mikraj bagi tahun 2023 bagi mengingatkan kembali kepentingan dan pengajaran yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian berdasarkan peristiwa yang telah diceritakan oleh Nabi SAW kepada umatnya. Panel program kali menguraikan berkenaan dengan kembara kerohanian dalam konteks Muamalah Islam. Contohnya beliau menyentuh tentang keburukan makan riba sebagaimana yang digambarkan dalam peristiwa Israk Mikraj. Dalam konteks dunia moden hari ini marilah kita melihat rezeki kita adakah terpalit dengan riba bank-bank yang kita depositkan duit adakah ia mengamalkan Islamic Finance. Begitu juga dengan pembiayaan perumahan, jual beli emas, pajak gadaai adakah ia bertepatan dengan syariah Islam.

## BENGGKEL PEMURNIAAN APLIKASI WAKAF



Kota Bharu, 22 November 2023 – Pusat Islam Universiti telah menganjurkan Bengkel Pemurniaan Aplikasi Wakaf di H Elite Design Hotel Kota Bharu. Bengkel ini dihadiri oleh beberapa staf Pusat Islam UMK, Pusat Komputeran dan Infomatik (CCI), Pejabat Penasihat Undang-undang dan Pejabat Bendahari



## LAWATAN PENANDA ARAS PUSAT ISLAM UTM

27 Julai 2023 – Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan telah menerima lawatan penanda aras daripada Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia. Lawatan ini diketuai oleh Ybrs. Prof. Madya. Dr. Ahmad bin Che Yaacob Pengarah Pusat Islam UTM.

Tujuan utama lawatan penanda aras adalah untuk bertukar pandangan, berkongsi amalan terbaik dan menjalin kerjasama. Lawatan ini merangkumi pelbagai aspek seperti aktiviti, kursus, pengurusan kewangan dan program bersama untuk pembangunan berterusan.





## PROGRAM SEJAM BERSAMA AL-QURAN (SBQ) PERDANA 2023

Bachok, 31 Oktober 2023 – Pusat Islam Universiti telah menganjurkan program tahunan Sejam Bersama al-Quran (SBQ) Perdana, merupakan program kesinambungan program-program SBQ yang telah diadakan secara berkala di ketiga-tiga kampus Universiti Malaysia Kelantan.

Program telah diserikan dengan Majlis Alunan Bacaan al-Quran dari Rakan Masjid dan ceramah telah disampaikan dengan penuh menarik oleh pentadabbur al-Quran terkenal iaitu Ustaz Syaari Ab Rahman. Program yang berlangsung selama 3 jam tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan staf dan pelajar UMK dan mendapat respon yang amat positif daripada peserta.



# PROGRAM KERJA TILL JANNAH PERDANA 2023



20 SEPTEMBER 2023 | Program Kerja Till Jannah Perdana bersama Fazdli Aziz telah diadakan di Auditorium 1, Kompleks Akademik, telah dihadiri seramai 92 orang yang terdiri dari kalangan warga UMK dan juga wakil dari pelbagai agensi IKTBN Bachok, Kolej Politech Mara (KPTM-KB), Pejabat Agama Jajahan Bachok, Pusat Islam USM Kubang Kerian, Majlis Daerah Bachok, Guru- Guru dari Sek Keb. Seri Kemudi, Sek Keb. Badak.

Program Kerja Till Jannah ini memberikan impak positif dalam memberikan kesedaran kepada penjawat awam tentang proses kerja yang sebenar menurut perspektif Islam. Disamping itu penganjuran program mampu menjalinkan hubungan erat Universiti Malaysia Kelantan dengan agensi kerajaan yang lain dan komuniti.



## BACK TO BASIC : ASAS PEMANTAPAN AQIDAH

13 & 27 MEI 2023 - Pusat Islam UMK dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, Jawatankuasa Teman, Rakan Masjid/ Surau telah berjaya mengadakan program Back To Basic: Asas Pemantapan Aqidah. Program pada hari ini merupakan siri 1 khusus membincangkan tajuk-tajuk pemantapan Aqidah yang disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman. Pada siri yang kedua program ini akan menyentuh asas pemantapan solat yang dijalankan serentak di ketiga-tiga kampus sebagaimana hari ini. Semoga pelajar memperoleh ilmu yang bermakna pada program ini.





**BACK TO BASIC :  
ASAS PEMANTAPAN  
AQIDAH** 13 & 27 MEI 2023

- 9 PAGI – 1 TENGAHARI
- UMK BACHOK | UMK KAMPUS KOTA | UMK KAMPUS JELI



## KEM SMART AULAD 2.0

Pusat Islam telah menganjurkan Kem Smart Aulad siri 2.0. Program kali ini diberi keutamaan penyertaan dikalangan anak-anak staf yang terdiri dari pelajar tahun 1-darjah 6 seramai 150 orang bertempat di Ruang Utama Solat, Masjid UMK. Pelbagai pengisian telah diatur oleh Pusat Islam menerusi bimbingan dari fasilitator terlatih dalam kalangan staf Pusat Islam dan mahasiswa-mahasiswi UMK yang dilantik oleh Pusat Islam. Antara pengisian program ialah modul kepimpinan, pemantapan akhlak, pemantapan solat, lawatan ilmiah ke Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu Kampus Bachok, kemahiran hafazan al-quran.

Sambutan peserta untuk Kem Smart Aulad 2.0 kali ini cukup memberangsangkan memandangkan 150 peserta telah mengikuti program ini berbanding jumlah sasaran 100 orang peserta. Menurut pengarah Pusat Islam UMK, program ini dilihat telah berjaya kerana mencapai sasaran apabila melihat dari segi kuantiti peserta dan kita berasa sungguh bertuah apabila mendapat tajaan kewangan dari pihak Kelab Kebajikan Staf Universiti bagi menampung yuran penyertaan peserta.





## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



**KHAIRUDIN BIN MAT LAZIM**  
**PEJABAT NAIB CANSOLOR**  
**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

**Encik Khairudin bin Mat Lazim**  
 Pembantu Hal Ehwal Islam, Pusat Islam Universiti

## BERITA STAF



### KELAHIRAN CAHAYAMATA USTAZ HAFIZHUDDIN

Najlaa Nursyukriyah binti Mohd Hafizhuddin yang telah selamat dilahirkan pada 21 Oktober 2025 (Selasa) di Hospital Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan. Bayi comel ini merupakan anak keempat Ustaz Hafiz dan isteri, dan dilahirkan dalam keadaan sihat walafiat. Ibu dan bayi juga berada dalam keadaan baik selepas proses kelahiran. Pusat Islam mengucapkan tahniah kepada Ustaz Hafizhuddin dan semoga kehadiran Najlaa Nursyukriyah membawa keberkatan, kebahagiaan, dan cahaya kebahagiaan yang berpanjangan buat seluruh keluarga.



### KELAHIRAN CAHAYAMATA USTAZAH NORMA

Pada 9 September 2023, Ustazah Norma Abdullah, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UMK Bachok telah selamat melahirkan seorang bayi lelaki di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan dan diberi nama Muhammad Qais al-Fateh bin Mohd Afiq. Pusat Islam UMK mengucapkan tahniah kepada Ustazah Norma dan keluarga di atas kelahiran cahaya mata tersebut dan semoga kehadiran cahaya mata baharu ini akan melimpahkan rezeki, kebahagiaan dan keberkatan kepada beliau dan pasangan oleh Allah S.W.T.

**Muhammad Anas Hakimi bin Hasan**

Ijazah Sarjana Muda Quran dengan Multimedia  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Tarikh Mula Praktikal: 2 April 2023  
Tarikh Tamat Praktikal: 2 Julai 2023

**Muhamad Hazim Bin Badri Hisham**

Ijazah Sarjana Muda Al-Quran & Al-Sunnah (Qiraat) Dengan Kepujian  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Tarikh Mula Praktikal: 23 Julai 2023  
Tarikh Tamat Praktikal: 13 Oktober 2023

**Shahrul Nizam Bin Zakaria**

Ijazah Sarjana Muda Al-Quran & Al-Sunnah (Qiraat) Dengan Kepujian  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Tarikh Mula Praktikal: 23 Julai 2023  
Tarikh Tamat Praktikal: 13 Oktober 2023

**Wan Muhammad Akram Bin Mohd Rosli**

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) dengan Kepujian  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)  
Tarikh Mula Praktikal: 13/3/2023  
Tarikh Tamat Praktikal: 13/5/2023

**Nur Hidayah Binti Abdullah**

Ijazah Sarjana Muda Quran Dengan Multimedia  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Tarikh Mula Praktikal: 2 April 2023  
Tarikh Tamat Praktikal: 2 Julai 2023

**Wan Nur Nazihah binti Wan Zamri**

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Tarikh Mula Praktikal: 2 April 2023  
Tarikh Tamat Praktikal: 2 Julai 2023

**Nurul Izzati binti Abdul Halim**

Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Tarikh Mula Praktikal: 5/03/2023  
Tarikh Tamat Praktikal: 20/7/2023



## PUSAT ISLAM UMK



OfficialUMK  
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP  
*is our thrust*

Kita  
#BinaLegasiUMK  
Bersama

#WeAreUMKFamily  
#OneUMKOneDream